



**BAB**  
**X**

**BAYARAN SAGU HATI KEPADA PENCERAMAH  
DAN FASILITATOR SAMBILAN**

“Pendidikan mempunyai akar yang pahit, tapi buahnya manis.”

*Aristoteles*



## **BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

### **1.0 TUJUAN**

Tatacara ini disediakan untuk menerangkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua PTJ mengenai bayaran saguhati kepada penceramah atau fasilitator sambilan dalam kursus / bengkel / majlis rasmi yang dianjurkan oleh UPNM.

### **2.0 BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENCERAMAH ATAU FASILITATOR SAMBILAN ADALAH TERTAKLUK SEPERTI BERIKUT:**

- a) pegawai yang memberi syarahan / ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan;
- b) memberi syarahan / ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
- c) urus setia yang memberi syarahan / ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkan tidak layak menuntut bayaran saguhati;
- d) jika tugas memberi syarahan / ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar jika dianjurkan oleh pihak lain.
- e) bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap jam yang genap sekiranya waktu syarahan / ceramah yang ditetapkan oleh penganjur melebihi satu jam; dan
- f) penceramah / fasilitator sambilan yang diberi cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati.

### 3.0 KADAR BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENCERAMAH ATAU FASILITATOR SAMBILAN

- a) Kadar pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut.

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM 300.00 sejam	RM 100.00 sejam	Tidak melebihi 1/2 daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM 200.00 sejam	RM 100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 & 52	RM 150.00 sejam	RM 90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 & 44	RM 120.00 sejam	RM 80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM 80.00 sejam	RM 60.00 sejam	

- b) Kadar bayaran penceramah berasaskan kelayakan:

Kelayakan Akademik	Kadar Bayaran Sejam
Diploma/ Sijil	RM 100 sejam
Sarjana Muda	RM 200 sejam
Sarjana	RM 300 sejam
Ph.D	RM 400 sejam

#### **4.0 ELAUN LAIN**

Penceramah/fasilitator Sambilan yang dilantik layak menuntut Elaun Perjalanan, Elaun Makan, Elaun Penginapan sekiranya terdapat keperluan penceramah atau fasilitator Sambilan menggunakan segala kemudahan tersebut jika ianya dilantik di luar stesen.

